

Proton e.MAS Mendahului Pasaran EV sebagai Jenama EV No.1 Malaysia, Raikan Pencapaian dengan Ganjaran Mingguan untuk Rakyat Malaysia

Disokong oleh pegangan pasaran yang kukuh serta pencapaian penting di peringkat nasional, PRO-NET terus menerajui evolusi EV di Malaysia, dengan satu daripada setiap dua EV baharu yang dijual pada tahun 2026 merupakan Proton e.MAS

SHAH ALAM, 30 Mac 2026 – PRO-NET, anak syarikat milik penuh PROTON, meraikan satu pencapaian penting dalam perjalanan mobiliti elektrik negara apabila Proton e.MAS terus mengukuhkan kedudukannya sebagai jenama kenderaan elektrik No.1 di Malaysia, disokong oleh prestasi pasaran yang kukuh, keyakinan pelanggan di seluruh negara, serta momentum berterusan dalam pembangunan ekosistem EV yang semakin berkembang.

Sebagai jenama EV nasional pertama Malaysia, Proton e.MAS kini menguasai pegangan pasaran, dengan satu daripada setiap dua EV yang dijual pada tahun 2026 membawa lencana Proton e.MAS. Pencapaian ini mencerminkan betapa pantas rakyat Malaysia menerima mobiliti elektrik tempatan, sekali gus menjadikan Proton e.MAS bukan sahaja peneraju pasaran, tetapi juga simbol kemajuan dalam peralihan negara ke arah EV.

Dengan permulaan kukuh pada tahun 2026, e.MAS 5 kini menjadi model EV No.1 di Malaysia dengan lebih 5,000 unit berjaya dijual dalam tempoh dua bulan pertama. Lebih membanggakan, ia turut menembusi senarai 5 kenderaan paling laris di negara ini, satu pencapaian yang belum pernah diraih oleh mana-mana EV sebelum ini. Dalam masa sama, model baharu e.MAS 7 PHEV yang diperkenalkan baru-baru ini telah merekodkan lebih 3,500 tempahan dalam hanya enam minggu. Ini jelas menunjukkan keyakinan yang semakin meningkat terhadap mobiliti elektrik yang praktikal dan benar-benar sesuai dengan gaya hidup rakyat Malaysia.

Kepimpinan Melangkaui Jualan, Pencapaian Nasional yang Mengukuhkan Kedudukan No.1

Kepimpinan Proton e.MAS melangkaui jualan dan pelancarannya. Proton e.MAS 5 Premium telah diiktiraf sebagai Best Entry-Level xEV of the Year di Malaysia Car of the Year Awards 2025, manakala Proton e.MAS 7 pula dipilih sebagai kenderaan rasmi bagi Sidang Kemuncak ASEAN, sekali gus mempamerkan inovasi EV Malaysia di pentas antarabangsa. Selain itu, Proton e.MAS 7 turut mengetuai ASEAN Unity Drive 2025 yang bersejarah, meliputi perjalanan sejauh 10,432 km merentasi sembilan negara ASEAN, membuktikan keupayaan dan ketahanan EV nasional Malaysia dalam kondisi dunia sebenar di peringkat serantau.

“Pencapaian Proton e.MAS sebagai jenama EV No.1 adalah milik rakyat Malaysia. Setiap tempahan, setiap ulasan, setiap perkongsian perjalanan di media sosial, dan setiap saranan daripada pemilik telah menyumbang kepada kejayaan Proton e.MAS sebagai jenama EV No.1 di Malaysia,” kata Puan Salawati Yusoff, Ketua Pegawai Penjenamaan PRO-NET.

Bagi meraikan pencapaian ini, Proton e.MAS melancarkan peraduan di media sosial “Tell Us Why We’re #1”, yang menyeru kepada semua rakyat Malaysia berkongsi sebab Proton e.MAS layak sebagai jenama EV No.1, sambil menawarkan ganjaran menarik setiap minggu sepanjang tempoh kempen berlangsung.

Puan Salawati Yusoff, Ketua Pegawai Penjenamaan PRO-NET, berkata, “Peraduan ‘Tell Us Why We’re #1’ ini adalah cara kami meraikan perjalanan ini serta memberi tumpuan semula kepada rakyat Malaysia yang telah menjayakannya.”

Raikan Pencapaian EV No.1 Proton e.MAS dengan Peraduan “Tell Us Why We’re #1”

Peraduan media sosial “Tell Us Why We’re #1” memberi peluang kepada rakyat Malaysia sama-sama meraikan kejayaan ini. Berlangsung dari 24 Mac 2026 hingga 14 April 2026, peraduan ini menjemput orang ramai berkongsi pandangan mereka tentang apa yang membuatkan Proton e.MAS layak menjadi EV No.1.

- **Langkah 1:** Ikuti akaun rasmi Proton e.MAS di platform yang anda sertai (Instagram, Facebook atau TikTok).
- **Langkah 2:** Tinggalkan komen pada hantaran peraduan dengan satu sebab mengapa Proton e.MAS layak diiktiraf sebagai jenama EV No.1.
- **Langkah 3:** Tag tiga orang rakan dan sertakan tanda pagar **#ProtonEMASNo1EV**.

Peserta berpeluang menjadi salah seorang daripada sepuluh (10) pemenang mingguan, dengan setiap pemenang menerima PIN tambah nilai Touch 'n Go eWallet bernilai RM100*

***Tertakluk kepada terma dan syarat:**

Pemenang akan diumumkan melalui hantaran di media sosial. Semua pemenang perlu menghubungi pihak penganjur melalui Direct Message dalam tempoh tiga (3) hari selepas pengumuman bagi pengesahan maklumat mereka.

Untuk maklumat lanjut mengenai kempen ini atau untuk menyertai peraduan “Tell Us Why We’re #1”, sila layari laman web Proton e.MAS atau ikuti jenama ini di media sosial: Facebook (Proton e.MAS Cars), TikTok (@protonemasofficial), dan Instagram (@protonemasofficial).

#PROTONeMAS7PHEV #DualPoweredEV #OpenYourWorld #PROTONeMAS5 #OwnYourSpace
#FreedomThatElectrifies #eMAS5FirstAffordableEV

-Tamat-

Mengenai Proton e.MAS

Proton e.MAS ialah jenama kenderaan elektrik dan tenaga baharu nasional pertama di Malaysia, di bawah Proton dan diedarkan oleh PRO-NET. Memainkan peranan penting dalam mempercepatkan penerimaan EV serta membina ekosistemnya, Proton e.MAS komited untuk menerajui peralihan ke arah mobiliti lestari dengan fokus kepada inovasi dan kecemerlangan. Dengan rangkaian pengedar yang semakin berkembang, perkhidmatan selepas jualan yang menyeluruh, serta ekosistem yang lengkap, Proton e.MAS memastikan setiap pelanggan menikmati pengalaman yang lancar dan memuaskan. Selaras dengan syarikat induknya, Proton, misi kami adalah untuk **INSPIRE CONNECTIONS** dengan menawarkan teknologi inovatif, kebolehpercayaan, dan standard bertaraf antarabangsa secara konsisten. Proton e.MAS telah diperkenalkan pada 12 Jun 2024.

Proton e.MAS

Facebook: <https://www.facebook.com/ProtonEMASOfficial/>

Instagram: <https://www.instagram.com/protonemasofficial/>

TikTok: <https://www.tiktok.com/@proton.e.mas/>

Issued by:

PRO-NET

Salawati Mohd Yusoff

Chief Branding Officer

Telephone: +6012-219 4581

Email: salawati@proton.com

Christopher Ng

Manager, PR & Communications

Telephone: +6012-818 7597

Email: christopher@proton.com



PRO-NET
PROTON NEW ENERGY TECHNOLOGY SDN BHD

Agus Mohd Nawiah
Senior Executive, Public Relations
Telephone: +6017-232 6225
Email: agusmn@proton.com

For media enquiries, please contact H/Advisors Klareco on behalf of PRO-NET:

Menuka Vejasegaran
H/Advisors Klareco
Telephone: +6014 345 2006
Email: menuka.vejasegaran@h-advisors.global